

11/11/1999

Belanjawan akan dibenteng semula

KUALA LUMPUR, Rabu - Belanjawan 2000 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 29 Oktober lalu, akan dibentangkan semula selepas pilihan raya umum nanti, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, proses itu terpaksa dilakukan kerana Belanjawan berkenaan belum diluluskan oleh Parlimen, yang dibubarkan berkuat kuasa esok.

"Kerana Belanjawan belum diluluskan dan Parlimen terpaksa dibubar, maka selepas pilihan raya, Belanjawan yang baru akan dibentangkan dalam Parlimen untuk dibahaskan semula," katanya pada sidang akhbar selepas mengumumkan pembubaran Parlimen di Putrajaya, hari ini.

Apabila ditanya sama ada Belanjawan yang akan dibentangkan itu Belanjawan baru, Dr Mahathir berkata ia bergantung kepada kerajaan baru.

Bagaimanapun beliau memberi jaminan, Belanjawan itu tetap sama seperti dibentangkan sebelum ini jika Barisan Nasional (BN) memenangi pilihan raya ini.

Secara berseloroh, Perdana Menteri berkata: "Oleh kerana ada orang lain yang turut mahu menjadi Perdana Menteri, kami tidak tahulah."

Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin membentangkan Belanjawan 2000 pada 29 Oktober lalu dan Dewan Rakyat masih membahaskannya apabila pembubaran Parlimen diumumkan hari ini.

Sementara itu, Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed, berkata kerajaan tidak menghadapi masalah untuk meneruskan Belanjawan tahun ini kerana ia menyediakan peruntukan mencukupi.

"Belanjawan tahun 2000 belum diluluskan, maka kita tak boleh berbelanja. Tetapi untuk tahun ini, kita tak ada masalah kerana kita ada peruntukan yang mencukupi dan telah melalui proses sewajarnya," katanya selepas meletakkan pelekat bertema "Syabas Malaysia" membaitkan 50 kereta sewa di Hentian Duta, di sini.

Beliau berkata, kerajaan akan meneliti isu-isu teknikal tertentu sebelum membuat sebarang keputusan seperti dicadangkan ketika pembentangan Belanjawan 2000 baru-baru ini.

Katanya, perbincangan dengan pegawai-pegawai Kementerian Kewangan akan diadakan esok bagi meneliti isu tertentu.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail, berkata kerajaan boleh membentangkan yang lama.

(END)